



MOHD Harun menyampaikan ijazah kepada salah seorang penerima.

Kejayaan 49 graduan UMS perolehi Ijazah Kelas Pertama petunjuk peningkatan kualiti

NST 21/10/2013 2
KOTA KINABALU: Kejayaan seramai 49 graduan sarjana muda Universiti Malaysia Sabah (UMS) memperolehi Ijazah Kelas Pertama adalah petunjuk kepada peningkatan kualiti akademik dan intelektual para graduan UMS, kata Naib Canselornya Prof. Dr. Datuk Mohd Harun Abdullah.

Beliau berkata, Petunjuk Prestasi Utama (KPI) UMS dari segi kebolehpasaran graduan UMS pada tahun 2011 menunjukkan bahawa kira-kira 55 peratus graduan universiti itu men-

dapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas menamatkan pengajian.

"Pencapaian cemerlang akademik para graduan UMS dan peningkatan tahap kemahiran insaniah dan kebolehpasaran graduan UMS dalam pasaran buruh yang sentiasa meningkat sangat membanggakan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika beucap pada Majlis Konvokesyen ke-14, UMS, di Dewan Canselor universiti itu, di sini, kelmarin. **-OLEH MARRYAN RAZAN**